

**BAHAGIAN A***(40 markah)**Jawab semua soalan.*

- 1 Pelaksanaan pemerintahan secara sistematik dan undang-undang yang tersusun, menjadikan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka sebuah kerajaan yang unggul.

(a) Jelaskan peranan bagi pembesar-pembesar tersebut .

i. Penghulu Bendahari

.....

[2 markah]

ii. Laksamana

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan undang-undang Hukum Kanun Melaka yang berkaitan dengan kesalahan jenayah.

.....

[2 markah]

(c) Maklumat berikut merujuk kepada prinsip keempat Rukun Negara.

Kedaulatan Undang-undang

Mengapakah pengamalan prinsip tersebut penting kepada rakyat sesebuah negara?

.....

[4 markah]

- 2 British mengisytiharkan Undang-undang Darurat di Tanah Melayu pada 18 Jun 1948 dan usaha-usaha lain bagi menangani ancaman komunis

- (a) Huraikan peristiwa yang mendorong pihak British mengisytiharkan Undang-Undang Darurat 1948 di Tanah Melayu.

.....

.....

.....

[3 markah]

- (b) Jelaskan usaha-usaha menangani ancaman komunis dari aspek penguatkuasaan Undang-undang Darurat.

.....

.....

.....

[3 markah]

- (c) Baca petikan berikut.

Sebagai rakyat Malaysia, kita mestilah menghargai pengorbanan generasi silam yang bertungkus lumus untuk memastikan negara ini aman. Sewajarnya, keamanan perlu dipertahankan bersama-sama dengan apa-apa cara sekali pun demi sebuah negara tercinta.

Sumber : ubah suai daripada Berita Harian.com.my

Apakah kesan sekiranya generasi muda tidak mempertahankan keamanan negara?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 Sistem Persekutuan di negara kita mempunyai latar belakang sejarah tersendiri iaitu bermula pada tahun 1896 hingga tahun 1963.

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan konsep Persekutuan?

.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan penyelarasan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bagi mengukuhkan sistem Persekutuan.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]


(c) Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku jika tiada pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

.....
.....
.....
.....

[4 markah]



- 4 Rajah berikut berkaitan perkembangan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat untuk membina perpaduan kaum dan integrasi nasional



- (a) Lengkapkan rajah berikut dengan maklumat yang betul.

- i. X :
- ii. Y :

[2 markah]

- (b) Rukun Negara dibentuk untuk mendukung cita-cita mencapai beberapa matlamat. Huraikan matlamat Rukun Negara untuk mewujudkan negara bersatu.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) “BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA mendukung cita-cita hendaklah mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya.”

Sumber: Arkib Negara Malaysia, Rukun Negara

Ulaskan.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja

- 5 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) yang berpunca daripada perluasan kuasa yang dilaksanakan oleh Jepun.


(a) Mengapakah Jepun melaksanakan dasar perluasan kuasa?

[6 markah]

(b) Jelaskan peristiwa bermulanya Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik.

[6 markah]

(c) Gambar berikut merupakan poster propaganda tentera Jepun di negara kita.



Mengapakah rakyat tempatan tertarik dengan propaganda tersebut?

[8 markah]

- 6 Baca maklumat berikut.

Perkembangan politik antarabangsa dan serantau mempengaruhi gelombang politik di negara kita. Benih kesedaran yang tumbuh di serata tempat mencetuskan idea negara merdeka.

(a) Huraikan peranan dan sumbangan parti-parti politik yang mencetuskan idea negara terhadap perjuangan kemerdekaan negara.

[6 markah]

(b) Jelaskan matlamat perjuangan parti-parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu sebelum tahun 1957.

[6 markah]

(c) Kerjasama antara pemimpin pelbagai kaum membawa kemajuan dan kestabilan negara. Berikan ulasan anda.

[8 markah]

- 7 Kesepakatan antara Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura menzahirkan pembentukan Malaysia pada tahun 1963.

(a) Apakah yang anda faham dengan konsep gagasan Malaysia?

[6 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa pembentukan Malaysia.

Perjanjian Julai 1963 turut dikenali sebagai Perjanjian Malaysia atau Malaysia Agreement (MA63) yang merupakan satu dokumen yang ditandatangani adalah sebuah dokumen yang ditandatangani oleh pihak-pihak “United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland, Persekutuan, Tanah Melayu, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura”

Sumber: <https://www.pmo.gov.my>

Jelaskan intipati Perjanjian Julai 1963?

[6 markah]

(c) Pembentukan Malaysia pada tahun 1963 menghadapi pelbagai cabaran akibat campur tangan dan ancaman anasir luar.

Berdasarkan pengetahuan anda, terangkan kepentingan sikap berwaspada terhadap anasir luar dalam memastikan keamanan dan kedaulatan negara terus terpelihara.

[8 markah]

- 8 Teliti pernyataan berikut.

Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merupakan kesinambungan Dasar Pembangunan Ekonomi (DEB) yang dirangka untuk tempoh 10 tahun (1991-2000). DPN merupakan usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berdasarkan Wawasan 2020.

(a) Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional yang dilaksanakan oleh kerajaan.

[6 markah]

(b) Huraikan pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional dalam tempoh 10 tahun.

[6 markah]



(c) Perhatikan gambar berikut.



Pada pendapat anda, terangkan manfaat yang diperoleh negara kita daripada gambar di atas?

[8 markah]


- 9 Infografik berikut berkaitan hubungan ekonomi antarabangsa Malaysia.



- (a) Terangkan peranan Malaysia dalam hubungan tersebut.
- (b) Huraikan Wawasan Malaysia menuju masa hadapan.
- (c) Maklumat berikut berkaitan isu kemanusiaan dunia pada masa ini.

[6 markah]

[6 markah]



Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah masyarakat dunia harus prihatin kepada isu kemanusiaan?

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

